



# HOYA

Tatakelakuan  
**Perkara Yang Betul, Cara Yang Betul**

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Keluarga Kumpulan HOYA yang dihormati,

Sepanjang sejarah kita yang sekian lama, Kumpulan HOYA sentiasa berpegang teguh kepada komitmen terhadap misi kita untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan melalui inovasi dan teknologi kreatif. Penumpuan itu membolehkan kita meraih keuntungan yang wajar sebagai sebuah syarikat dan mempertingkatkan kehidupan orang ramai. Tetapi, yang lebih penting, adalah cara kita mencapai hasil ini. Ia merupakan tanggungjawab kita untuk menjalankan urus niaga kita dengan komitmen mutlak terhadap pematuhan undang-undang serta amalan beretika dan untuk

menyumbang secara positif kepada masyarakat. Di samping itu, kita mesti sentiasa bertindak dengan cara yang menunjukkan rasa hormat dan sikap prihatin terhadap semua anggota keluarga HOYA.

Walaupun banyak perkara yang mungkin berubah dan walau di mana kita beroperasi, terdapat satu matlamat yang kita sama-sama harus berikan tumpuan - mengekalkan kepercayaan dalam Kumpulan HOYA. Anda masing-masing mempunyai peranan penting dalam memastikan kejayaan syarikat. Tingkah laku anda memberi kesan yang besar kepada prestasi syarikat dan tanggapan pihak berkepentingan terhadap kita. Membuat jualan dan meraih keuntungan berdasarkan perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika tidak boleh diterima. Untuk masyarakat mengiktiraf dan menghargai syarikat, anda masing-masing harus membuat pilihan yang baik setiap hari di tempat kerja - melakukan perkara yang betul, dengan cara yang betul.

Dengan pekerja di lebih daripada 35 buah negara dan capaian komersial kita yang lebih banyak lagi, sekarang merupakan masa yang amat penting

untuk kita beroperasi di bawah satu set standard global. Maka, kita telah membangunkan Tatakelakuan Global ini untuk membimbing semua pekerja Kumpulan HOYA dalam memelihara kepercayaan pekerja, pelanggan, dan pemegang saham kita. Walaupun Kod ini tidak dapat merangkumi semua situasi yang mungkin anda hadapi di tempat kerja, ia boleh menyediakan asas yang kukuh untuk membantu anda membuat pilihan yang baik. Sekiranya setelah merujuk Kod, anda masih ada pertanyaan atau keimbangan, anda harus berbincang dengan penyelia atau pengurus anda, jabatan undang-undang atau pematuhan, atau hubungi Talian Bantuan HOYA.

Ingatlah, anda seorang anggota Kumpulan HOYA yang dihargai, dan pilihan yang anda buat menjadi asas kepada kepercayaan terhadap syarikat kita. Saya mahu anda menangani masalah dengan penuh integriti dan bekerjasama setiap hari untuk melakukan perkara yang betul. Bersama kita akan membina dan memelihara Kumpulan ini yang benar-benar dihormati dan layak diberi kepercayaan.

Terima kasih sekali lagi atas dedikasi dan sokongan berterusan anda terhadap misi HOYA. HOYA akan terus tumpukan kepada keselamatan dan kesejahteraan rakan sekerja seperti yang kita lakukan selama ini, dan menawarkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan kita di seluruh dunia. Marilah kita kekal bersatu dan saling membantu untuk mencapai matlamat bersama Kumpulan HOYA dengan memberi fokus yang berterusan dalam menggunakan cara yang betul untuk melakukan sesuatu.

池田 真一郎

Eiichiro Ikeda

**Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan HOYA**

# Misi Korporat

Beredikasi untuk membawa inovasi dalam teknologi maklumat, gaya hidup dan budaya, HOYA membayangkan sebuah dunia yang memberi setiap individu nikmat kehidupan yang baik secara harmoni dengan alam semula jadi.

## Komitmen kepada pelanggan

Matlamat HOYA adalah untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat serta berkualiti tinggi, dan yang menawarkan nilai sebenar. Kita berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dengan mempertingkatkan kualiti operasi kita secara berterusan.

## Komitmen kepada masyarakat

HOYA sentiasa berusaha untuk menjadi warga korporat yang bertanggungjawab. Kita bekerja keras untuk memastikan bahawa aktiviti korporat dijalankan dengan menghormati alam sekitar. Kita komited sepenuhnya untuk mematuhi undang-undang dan amalan beretika.

## Komitmen kepada pemegang saham

HOYA berusaha untuk menambah nilai korporat dengan mempertingkatkan hasil perniagaan dan mengekalkan pertumbuhan. Matlamat kita adalah untuk membayar dividen yang memuaskan dan memberi pulangan pelaburan kepada pemegang saham yang memenuhi jangkaan mereka. Kita mendedahkan maklumat korporat dengan rela hati dan tanpa prejudis.

## Komitmen kepada pekerja

HOYA menghormati keperibadian dan individualiti setiap pekerja. Kita menawarkan pekerja peluang untuk memaksimumkan inisiatif dan kreativiti mereka dalam persekitaran kerja yang selamat dan memuaskan. Kita melakukan yang terbaik untuk memastikan kehidupan yang baik untuk pekerja kita.

## Beredikasi dalam pengurusan inovatif

HOYA sentiasa berusaha untuk mencipta nilai baharu melalui inovasi dan teknologi kreatif. Kita manfaatkan sebahagian besar kemajuan era maklumat dengan rangkaian pengurusan kita di seluruh dunia. Kita mengambil perspektif global di samping menghormati budaya dan adat setempat.

# Kandungan

<b>Pengenalan</b>	<b>5</b>	<b>Kita adalah Rakan Perniagaan yang Bertanggungjawab</b>	<b>27</b>
Kita Mematuhi Tatakelakuan Kita .....	6	Kewajipan Industri Penjagaan Kesihatan .....	28
Kita Memahami Tanggungjawab Kita .....	8	Hubungan Pembekal .....	30
Kita Berkongsi Kebimbangan Kita .....	10	Konflik Kepentingan .....	31
		Hadiah dan Hiburan .....	33
		Alam Sekitar .....	34
<b>Kita Saling Menghormati</b>	<b>12</b>	<b>Kita Melindungi Kumpulan Hoya</b>	<b>35</b>
Hak Asasi Manusia .....	13	Penyimpanan Rekod yang Tepat .....	36
Tempat Kerja yang Positif dan Produktif .....	14	Maklumat Kumpulan HOYA .....	38
Kesihatan dan Keselamatan .....	15	Aset Kumpulan HOYA .....	40
Privasi Data .....	16	Dagangan Orang Dalam .....	42
Melindungi Maklumat Perniagaan Orang Lain .....	18	Komunikasi Berhemah .....	44
<b>Kita Menjalankan Perniagaan Secara Sah</b>	<b>19</b>	<b>Lampiran</b>	
Kualiti dan Keselamatan Produk dan Perkhidmatan Kita .....	20	Borang Pengesahan Tatakelakuan Kumpulan HOYA (Untuk Pekerja) .....	45
Persaingan yang Adil .....	21	<b>Sumber Berguna</b> .....	46
Antirasuah dan Antisogokan .....	23		
Perdagangan Antarabangsa .....	25		

*Tatakelakuan ini bukan kontrak pekerjaan.*



# Pengenalan

Kod kita ialah sumber penting untuk membantu kita mencapai misi kita. Ia juga membantu kita untuk melakukan perkara yang betul, dengan cara yang betul, dalam setiap tindakan yang kita ambil.



Kita Mematuhi Tatakelakuan Kita .....	6
Kita Memahami Tanggungjawab Kita .....	8
Kita Berkongsi Kebimbangan Kita .....	10



## Kita Mematuhi Tatakelakuan Kita

Selaras dengan polisi dan nilai-nilai Kumpulan HOYA (seperti yang dinyatakan dalam Misi dan Prinsip Pengurusan Korporat), Tatakelakuan HOYA ("Kod") menetapkan garis panduan asas yang kita semua harus berusaha untuk mencapai dan harus patuhi dalam pelaksanaan tugas kita di Kumpulan HOYA.




### **Kod kita terpakai bagi:**

- Setiap pekerja, di setiap peringkat Kumpulan. Masing-masing bertanggungjawab untuk membaca, memahami, dan mematuhi Tatakelakuan HOYA.
- Kakitangan sementara dan pekerja kontrak di lokasi tapak, yang bekerja untuk Kumpulan HOYA walaupun bukan pekerja langsung Kumpulan.

Rakan kongsi Kumpulan HOYA yang dihargai, pekerja sementara dan pekerja kontrak juga diminta untuk memastikan tindakan mereka selaras dengan Tatakelakuan HOYA.

### **Di HOYA, kita:**

- Tidak sesekali melanggar Tatakelakuan, walaupun jika diarah berbuat demikian oleh penyelia atau pengurus.
- Lebih rela mengorbankan keuntungan daripada melanggar Tatakelakuan kita.
- Tidak membiarkan amalan syarikat lain mempengaruhi komitmen kita terhadap Tatakelakuan kita.



## Apa yang berlaku sekiranya seseorang melanggar Kod?

Mana-mana pekerja yang melanggar Kod atau menggalakkan orang lain untuk melakukannya, atau mengabaikan sesuatu pelanggaran, boleh dikenakan tindakan disiplin mengikut sifat dan keparahan pelanggaran tersebut. Bagi pegawai atau pengarah, hukuman yang lebih berat boleh dikenakan.

Sekiranya timbul persoalan mengenai Tatakelakuan HOYA semasa pelaksanaan kerja anda, atau jika anda melihat atau mengesyaki pelanggaran Kod, anda harus segera merujuk penyelia anda, pengurus anda, atau pakar yang bertanggungjawab dalam bidang berkenaan (contohnya, kewangan, sumber manusia, jabatan undang-undang atau pematuhan, alam sekitar, kawalan eksport, hal-hal farmaseutikal, dll.) untuk menentukan tindakan wajar yang harus diambil.

Sekiranya anda fikir masalah itu tidak dapat diselesaikan di tempat kerja anda, hubungi Talian Bantuan HOYA atau saluran pelaporan tempatan lain yang tersedia untuk mendapatkan nasihat daripada mengabaikan perkara itu. Laporan yang dibuat melalui saluran tersebut juga boleh dilakukan secara tanpa nama, jika dibenarkan oleh undang-undang. Kumpulan HOYA milarang keras tindakan balas terhadap sesiapa yang tampil untuk melaporkan kebimbangan dengan niat baik.

## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Bagaimana jika terdapat percanggahan antara kandungan Kod kita dan undang-undang di negara tempat anda bekerja, dan anda tidak pasti apa yang harus dilakukan?**

**Anda mesti mematuhi syarat yang lebih ketat. Sekiranya tidak jelas syarat mana yang lebih ketat, anda harus mendapatkan nasihat daripada jabatan undang-undang atau pematuhan.**

## Kita Memahami Tanggungjawab Kita

Setiap ahli Kumpulan HOYA mempunyai tanggungjawab dalam menjaga reputasi kita untuk beroperasi secara sah dan beretika. Untuk memenuhi tanggungjawab ini:

- Setiap orang mesti menunjukkan tingkah laku di tempat kerja yang mencerminkan nilai-nilai kita dan mematuhi semua undang-undang dan statut yang terpakai dan peraturan serta polisi Kumpulan HOYA (termasuk peraturan khusus industri yang berkaitan dengan sesetengah operasi perniagaan kita). Tingkah laku kita hendaklah selaras dengan peraturan-peraturan dan polisi-polisi Kumpulan HOYA dan kita harus mengelakkan daripada memberi penampilan salah laku.
- Kami memahami bahawa garis panduan ini tidak menangani setiap situasi yang mungkin kita hadapi di tempat kerja. Sekiranya pilihan yang betul tidak jelas, tanya pada diri kita sendiri:



Sekiranya anda dapat menjawab “**ya**” untuk kelima-lima soalan itu, kemungkinan ia boleh diterima untuk meneruskan. Tetapi jawapan “**tidak**” atau “**saya tidak pasti**” kepada mana-mana soalan itu bermakna anda mesti berhenti, mempertimbangkan semula, atau meminta nasihat daripada penyelia, pengurus, ketua jabatan, sumber manusia, atau jabatan undang-undang atau pematuhan sebelum anda meneruskan. Ingatlah meminta pertolongan adalah wajar, dalam keadaan apa pun.

- Kita tidak melayani tuntutan daripada organisasi jenayah terancang.
- Kita harus membuat keputusan perniagaan demi kepentingan Kumpulan HOYA, walau apa pun jawatan kita. Sebagai pekerja, kita mesti memastikan bahawa:
  - Kita beroperasi bebas daripada sebarang konflik kepentingan.
  - Kita tidak menyalahgunakan hak milik Kumpulan HOYA.
  - Kita mematuhi prosedur Kumpulan HOYA dengan betul.
  - Kita diberi kuasa dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keputusan yang kita buat.

## **Para pemimpin mempunyai tanggungjawab tambahan.**

Jika anda seorang penyelia atau pengurus, andalah yang menjadi contoh dan menentukan persekitaran tempat kerja yang beretika. HOYA mengharapkan para pemimpin untuk:

- Memberi contoh yang baik, mempamerkan nilai-nilai Kumpulan, dan menunjukkan komitmen terhadap Kod ini secara lisan dan juga melalui tindakan.
- Mewujudkan suasana yang membantu menggalakkan tingkah laku yang mematuhi undang-undang dan beretika dan membolehkan pekerja mengemukakan soalan dan menyuarakan kebimbangan.
- Menggalakkan latihan pematuhan yang perlu dijalani dengan lengkap dan mencari kaedah tambahan untuk berkomunikasi secara kerap tentang kepentingan mematuhi Kod ini dan polisi-polisi HOYA yang lain atau polisi-polisi bahagian HOYA masing-masing.

- Segera melaporkan kepada jabatan undang-undang sebarang pelanggaran undang-undang atau salah laku lain yang dianggap signifikan dari segi sifat atau skop.
- Pastikan pekerja (sama ada pekerja yang melapor kepada anda secara langsung atau tidak langsung) tahu bahawa tidak akan ada tindakan balas kerana melaporkan pelanggaran dengan niat baik.

## **Kita memperakui Kod kita setiap tahun.**

Membaca, mengkaji, dan sentiasa merujuk Kod kita adalah salah satu cara bagaimana setiap orang dapat membina tempat kerja yang beretika. Untuk mengesahkan bahawa setiap orang memahami Kod, HOYA menjalankan Semakan dan Pengesahan Tahunan dengan cara yang boleh diguna pakai di setiap negara. Para pekerja juga akan diberi sumber tambahan untuk meningkatkan pemahaman mereka tentang Kod, seperti latihan yang memerlukan kehadiran fizikal dan yang berasaskan komputer. Pelaksanaan prosedur di atas akan disahkan melalui audit dalaman.

**Kumpulan Talian Bantuan HOYA  
(Kumpulan HHL) di ibu pejabat HOYA  
Corporation menyelia dan mentadbir  
Tatakelakuan HOYA. Kod tidak boleh  
dipinda tanpa kebenaran Kumpulan HHL.**

## Kita Berkongsi Kebimbangan Kita

Kita bekerjasama untuk membina tempat kerja yang beretika. Melaporkan pelanggaran Tatakelakuan kita adalah tanggungjawab setiap orang. Sekiranya anda mempunyai pertanyaan tentang Kod atau mengesyaki pelanggaran, terdapat beberapa sumber yang tersedia untuk anda.

Mulakan dengan penyelia atau pengurus anda. Beliau berada dalam kedudukan terbaik untuk memahami kebimbangan anda dan mengambil tindakan yang sewajarnya.



Jika anda berasa tidak selesa bercakap dengan penyelia atau pengurus anda, anda boleh menghubungi:

- Ahli pengurusan lain
- Mana-mana anggota jabatan sumber manusia, undang-undang, atau pematuhan
- Talian Bantuan HOYA

### ***Apakah itu Talian Bantuan HOYA?***

Talian Bantuan HOYA ialah saluran komunikasi bebas untuk pekerja Kumpulan HOYA di lokasi-lokasi tertentu melaporkan kemungkinan pelanggaran undang-undang atau Tatakelakuan HOYA. Di mana tersedia, Talian Bantuan HOYA berfungsi sebagai sumber tambahan selain daripada barisan pelaporan biasa yang tersedia di setiap syarikat Kumpulan HOYA.

Jika Talian Bantuan HOYA tersedia di lokasi anda, anda boleh mengaksesnya untuk mengemukakan pertanyaan atau berkongsi kebimbangan. Apabila anda menghubungi Talian Bantuan HOYA:

- Anda boleh bertutur dalam bahasa anda sendiri menggunakan saluran telefon yang terdapat di lokasi anda atau membuat laporan melalui borang pelaporan dalam talian atau melalui e-mel.
- Kebimbangan anda akan direkodkan secara terperinci dan dilaporkan kepada pasukan Talian Bantuan dalam HOYA untuk siasatan.
- Anda boleh menyemak semula untuk mengetahui status siasatan atau untuk melaporkan maklumat tambahan jika ada.
- Anda diberi jaminan bahawa kebimbangan anda akan ditangani dengan segera dan secara berhati-hati.

## Bersuara tanpa rasa takut.

Anda boleh melaporkan kebimbangan secara tanpa nama, melainkan jika tidak dibenarkan oleh undang-undang tempatan. Sekiranya anda memberikan nama anda, setiap usaha akan dilakukan untuk melindungi identiti anda jika diminta. Bagaimanapun, dalam sesetengah kes, identiti anda mungkin tidak dapat dirahsiakan kerana sifat siasatan, tuntutan untuk menjalankan siasatan menyeluruh, atau syarat undang-undang tertentu. Sekiranya anda terlibat dalam siasatan pematuhan dalam apa juga cara (walaupun sebagai saksi), anda tidak boleh membincangkan siasatan itu dengan orang lain selain mereka yang menjalankan siasatan, kecuali jika dibenarkan secara khusus oleh penyiasat. Anda juga mesti bekerjasama dengan niat baik dalam sebarang siasatan dan memberikan jawapan yang benar terhadap sebarang soalan yang diajukan oleh pasukan penyiasat.

## Kumpulan HOYA milarang tindakan balasan.


HOYA tidak membenarkan tindakan balas terhadap sesiapa yang menyuarakan kebimbangan berkaitan pematuhan atau masalah integriti, dengan niat baik. Sesiapa yang melakukan tindakan balas akan dikenakan tindakan disiplin, yang boleh termasuk pemberhentian kerja. Sekiranya anda yakin bahawa anda, atau pekerja lain, telah mengalami tindakan balas kerana menyuarakan kebimbangan dengan niat baik atau melaporkan pelanggaran undang-undang, peraturan, polisi, atau Kod ini, segera hubungi jabatan pematuhan atau Talian Bantuan HOYA di mana ia tersedia dan dibenarkan oleh undang-undang.

## Kami mengambil serius sebarang pelanggaran.

Tindakan disiplin, termasuk pemberhentian kerja, boleh dikenakan terhadap mana-mana pekerja HOYA yang melanggar undang-undang, peraturan, Kod ini, atau polisi, atau prosedur kita. Ini terpakai bagi penyelia atau pengurus yang mengabaikan pelanggaran atau dengan sengaja gagal mengesan atau membetulkannya. Pengurusan HOYA dan jabatan sumber manusia bertanggungjawab untuk mengawasi standard disiplin bagi memastikan bahawa apa-apa tindakan disiplin yang berkaitan diamalkan secara konsisten, seperti yang dibenarkan oleh undang-undang buruh tempatan.

### Apa yang dimaksudkan dengan “niat baik”?

**Ini bermaksud bahawa anda tampil untuk menyuarakan sesuatu dengan niat yang tulus untuk memberikan maklumat jujur dan tepat, walaupun kemudiannya terbukti anda telah tersalah anggap.**



## Kita Saling Menghormati

Kita adalah sekumpulan pekerja berdedikasi yang beroperasi di negara-negara di seluruh dunia, yang berfikiran kreatif, memacu inovasi, dan membawa perubahan dalam kehidupan masyarakat di mana sahaja.

Hak Asasi Manusia .....	13
Tempat Kerja yang Positif dan Produktif .....	14
Kesihatan dan Keselamatan .....	15
Privasi Data .....	16
Melindungi Maklumat Perniagaan Orang Lain .....	18



# Hak Asasi Manusia

Kita saling menghormati dan mengiktiraf maruah dan nilai setiap individu.

## Kita komited untuk:

- Menyediakan persekitaran kerja yang membolehkan pekerja memberikan yang terbaik dalam tugasannya mereka. Kita tidak mendiskriminasi atau mengganggu orang lain atas dasar bangsa, kewarganegaraan, jantina, agama, kepercayaan, kelahiran, usia, kecacatan fizikal atau mental, orientasi seksual, atau sebarang keperluan undang-undang lain.
- Menggalakkan tempat kerja yang bebas daripada gangguan (termasuk gangguan seksual), intimidasi, keganasan, dan buli.
- Melindungi hak asasi manusia. Kita melarang pekerja kanak-kanak, buruh paksa, dan pemerdagangan manusia dalam operasi kita dan dalam seluruh rantaian bekalan kita.
- Menghormati hak keluarga pekerja. Kita tidak akan mengganggu, memberhentikan, menurunkan pangkat, mengurangkan gaji, atau memindahkan seseorang atas sebab-sebab kehamilan, kelahiran anak, cuti penjagaan anak, atau cuti penyusuan.
- Menyuarkan keimbangan jika kita mengalami atau menyaksikan diskriminasi, gangguan, atau pelanggaran hak asasi manusia.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Salah seorang rakan sekerja anda menghantar e-mel yang mempersendakan kerakyatan tertentu. Biasanya anda akan padamkan e-mel sebegitu kerana ia membuat anda berasa tidak selesa. Haruskah anda mengambil tindakan selanjutnya?**

Ya. Anda harus meminta rakan sekerja anda untuk berhenti menghantar e-mel sebegitu, dan jika aktiviti itu masih berterusan, maklumkan penyelia atau pengurus anda. Tingkah laku seperti itu tidak sopan dan boleh menggugat semangat dan suasana berpasukan yang telah sekian lama kita berusaha untuk wujudkan.

**Ketika melawat pembekal baharu, anda perhatikan pekerja-pekerja yang bekerja di situ kelihatan seperti golongan bawah umur. Apabila anda bertanya kepada pembekal, beliau tidak memberikan jawapan yang jelas. Apakah langkah anda seterusnya?**

Tindakan pertama anda yang prihatin terhadap pelanggaran hak asasi manusia dan tindakan kedua anda untuk menyuarkan keimbangan anda kepada pembekal adalah tepat. Langkah seterusnya adalah untuk melaporkan kejadian itu kepada jabatan undang-undang. Kita komited terhadap hak asasi manusia dan penghapusan pelanggaran hak asasi manusia termasuk buruh kanak-kanak.

# Tempat Kerja yang Positif dan Produktif

Kita menggalakkan persekitaran kerja yang terbuka serta positif dan memupuk hubungan baik sesama manusia bagi mewujudkan suasana kolaboratif yang mesra.

## Kita komited untuk:

- Saling membantu dalam mencapai matlamat dan kejayaan. Maksudnya:
  - Kita tidak menjalankan tugas di bawah pengaruh alkohol, atau memiliki, menggunakan, atau mengedar bahan-bahan terlarang atau terkawal di premis Kumpulan HOYA.
  - Kita tidak membawa senjata api, pisau, atau barang-barang berbahaya lain ke premis Kumpulan HOYA.
  - Kita tidak berjudi, meminjamkan wang, atau meminta rakan sekerja atau rakan perniagaan untuk memberi sumbangan masa, sumber daya, atau dana mereka, pada waktu bekerja.
  - Kami tidak menggunakan peralatan rakaman atau pengawasan video di tempat kerja melainkan terdapat sebab perniagaan yang sah, ia mematuhi undang-undang tempatan, dan kebenaran syarikat telah diperolehi.
- Menghargai sumbangan setiap individu, dengan mendengar, terlibat dalam perbincangan terbuka, tanpa paksaan, dan saling bekerjasama.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Semasa temu duga kerja, seorang calon memberitahu bahawa beliau mempunyai dua orang anak kecil. Anda tahu bahawa jawatan itu memerlukan kerja lebih masa, oleh itu, anda bertanya tentang pengurusan penjagaan anak beliau. Adakah itu dibenarkan?**

Tidak. Faktor seperti status perkahwinan, status keibubapaan, dan kehamilan tidak boleh dipertimbangkan ketika membuat keputusan pengambilan pekerja. Walau bagaimanapun, anda dibenarkan untuk memaklumkan calon bahawa jawatan itu memerlukan kerja lebih masa dan meminta calon memberitahu jika perkara itu menjadi masalah bagi beliau.

**Anda baru-baru ini didiagnosis dengan masalah perubatan yang menjadikannya sukar bagi anda melaksanakan salah satu tugas biasa anda. Apa yang patut anda lakukan?**

HOYA komited untuk memberikan penyelesaian yang munasabah kepada semua individu kurang upaya yang layak. Anda harus memaklumkan pengurus atau jabatan sumber manusia tentang keadaan anda supaya mereka dapat membincangkan penyelesaian yang mungkin dengan anda.

## Kesihatan dan Keselamatan

Kita menghargai usaha setiap individu dan berusaha untuk memastikan keselamatan di tempat kerja, membasmi kemalangan dan bencana di tempat kerja, dan mencegah kecederaan.

### **Kita komited untuk:**

- Memainkan peranan kita bagi memastikan semua orang di HOYA bebas kecederaan dan bebas penyakit dengan:
  - Mematuhi polisi tempat kita bekerja, menjaga kebersihan tempat kerja, dan mematuhi amalan keselamatan yang baik setiap masa.
  - Mengambil bahagian dalam latihan dan latih tubi. Kita berhati-hati untuk tidak sama sekali mengendalikan mesin atau peralatan yang kita tidak diberi kuasa menggunakananya atau belum dilatih.
  - Mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kita memakai alat pelindung apabila diperlukan, menjauhkan diri daripada zon bahaya, dan memeriksa alat keselamatan.
  - Tidak kerja berlebihan, yang boleh membahayakan keselamatan individu.
  - Mengambil langkah untuk melindungi para pekerja dengan menghalang orang sakit memasuki tempat kerja.
- Menghormati hak masing-masing berkaitan undang-undang buruh (misalnya, cuti penjagaan anak, cuti penjagaan keluarga, cuti berbayar).

- Merekod waktu kerja kita dengan betul. Kita tidak bekerja lebih masa tanpa gaji dan tidak memberarkan orang lain melakukannya.
- Tidak sesekali membawa keluar bahan berbahaya atau bahan kimia lain dari kawasan yang dibenarkan melainkan terdapat alasan sah untuk melakukannya dan, dalam kes sedemikian, kita mengikut prosedur yang ditetapkan Kumpulan HOYA.



### **APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?**

**Salah seorang rakan sekerja anda mencadangkan untuk mengubah suai satu langkah dalam barisan pembuatan untuk mempercepatkan proses, tetapi anda bimbang tindakan ini mungkin tidak selamat. Apa yang patut anda lakukan?**

Jangan sama sekali berkompromi dalam soal keselamatan. Walaupun HOYA menghargai dan menggalakkan penambahbaikan yang berterusan, namun apa-apa perubahan pada prosedur mesti dikaji dan diluluskan bagi memastikan tiada kesan buruk terhadap pekerja atau produk kita. Anda harus menghubungi penyelia atau pengurus anda untuk membincangkan cadangan rakan sekerja anda; sementara itu, jangan buat sebarang perubahan pada proses.

## Privasi Data

Kita menghargai hak privasi individu dan memastikan bahawa setiap data dikumpulkan dengan berhati-hati dan atas alasan perniagaan yang sah.



### Kita komited untuk:

- Memahami jenis-jenis maklumat yang dianggap sebagai "data peribadi."
- Menghormati privasi rakan sekerja, pelanggan, dan rakan perniagaan kita serta memelihara kepercayaan mereka dengan mengendalikan maklumat peribadi mereka secara berhati-hati. Malah, pengendalian harus dibuat dengan lebih berhati-hati untuk "maklumat peribadi sensitif" seperti nombor akaun bank atau maklumat perubatan.
- Menggunakan data peribadi hanya dengan cara yang telah dibenarkan oleh individu tersebut untuk digunakan dan tidak sekali-kali berkongsi data itu dengan orang lain (baik di dalam atau di luar HOYA) melainkan jika mereka dibenarkan dan mempunyai tujuan yang sah untuk melihatnya.
- Mengumpul, menyimpan, menggunakan, berkongsi, memindahkan, dan melupuskan data peribadi menurut undang-undang privasi data global dan dengan cara yang melindungi keselamatan maklumat tersebut.
- Berwaspada terhadap pengendalian yang tidak betul atau pendedahan data dan menghubungi jabatan undang-undang atau pematuhan dengan segera sekiranya data terjejas. Kita akui bahawa pendedahan data peribadi – walaupun jika tidak sengaja – bukan sahaja boleh menyusahkan individu dan membawa kepada liabiliti undang-undang, tetapi juga melemahkan kepercayaan terhadap Kumpulan HOYA.



## APAKAH ITU “DATA PERIBADI”?

Apa-apa maklumat yang dapat digunakan untuk mengenal pasti seseorang, baik secara langsung atau tidak langsung, seperti:

- Nama
- Nombor pengenalan pekerja
- Alamat e-mel
- Nombor telefon

Sekiranya anda tidak pasti sama ada sesuatu maklumat itu dianggap “data peribadi”, rujuk jabatan yang berkenaan sebelum berkongsi dengan orang lain.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Anda menerima panggilan daripada seorang peguam luar yang meminta maklumat tentang salah seorang pekerja di jabatan anda. Bagaimana anda harus bertindak?**

Anda tidak seharusnya memberikan data pekerja kepada sesiapa sahaja tanpa menyemak sama ada maklumat itu boleh didedahkan. Anda harus bertanya penyelia, atau pengurus anda, atau jabatan undang-undang sebelum memberikan data.

**Komputer riba anda dicuri dari kereta anda semasa anda berhenti di kedai dalam perjalanan pulang. Adakah ini menimbulkan apa-apa isu privasi data?**

Jika komputer riba anda mengandungi data peribadi, ia boleh dianggap sebagai pelanggaran keselamatan data dan memerlukan pemakluman pendedahan dan juga tindakan pemulihan dibuat. Jika sekalipun anda sebenarnya tidak menyimpan maklumat dalam komputer riba anda, maklumat tersebut mungkin terlampir di dalam e-mel yang terdapat dalam komputer riba anda. Anda harus segera menghubungi jabatan undang-undang dan IT untuk menentukan langkah wajar seterusnya.



# Melindungi Maklumat Perniagaan Orang Lain

Kita menghormati dan melindungi maklumat perniagaan sulit orang lain, sama seperti kita melindungi maklumat perniagaan kita sendiri.

## Kita komited untuk:

- Mematuhi semua undang-undang hak cipta dan yang berkaitan. Kita tidak, tanpa kebenaran:
  - Menyalin atau menggunakan perisian atau reka bentuk produk lain yang dibangunkan oleh syarikat atau individu lain.
  - Menyalin atau menggunakan gambar atau data teks daripada sumber media, seperti internet.
- Melindungi maklumat rahsia perniagaan orang lain dengan selamat, menggunakan hanya menurut syarat perjanjian yang terpakai.
- Berwaspada apabila mendapat maklumat perniagaan sulit, memastikan kita berhak menggunakan dan tidak sesekali menggunakan maklumat yang sumber asalnya dicurigai.
- Tidak sesekali memaksa orang lain, termasuk pekerja baharu, untuk mendedahkan maklumat perniagaan sulit majikan terdahulu mereka.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Seorang pekerja baharu yang sebelum ini bekerja di salah sebuah syarikat pesaing kita telah menyertai pasukan anda. Adalah berguna jika beliau berkongsi maklumat tentang prosedur kualiti yang beliau hasilkan semasa bekerja di syarikat pesaing itu. Adakah tindakan sedemikian wajar dan boleh diterima?**

Tidak. Itu merupakan pelanggaran terhadap polisi kita, kewajipan beliau terhadap majikan terdahulu, dan kemungkinan terhadap undang-undang juga. Anda tidak boleh meminta atau memaksa beliau untuk mendedahkan maklumat tersebut. Beliau boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran am yang dipelajari dalam pekerjaan yang terdahulu, namun tidak seorang pun daripada kita dibenarkan membawa ke HOYA apa-apa bahan sulit atau yang dilindungi, yang dihasilkan semasa kita bekerja di tempat lain. Beliau berkewajipan untuk melindungi maklumat sulit majikan terdahulu sebagaimana pekerja HOYA juga wajib melindungi maklumat sulit kita.






## Kita Menjalankan Perniagaan Secara Sah

Sambil kita melepas sempadan teknologi untuk masa depan yang lebih baik, kita sentiasa menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan industri kita dan juga negara-negara di tempat kita beroperasi.

Kualiti dan Keselamatan Produk dan Perkhidmatan Kita .....	20
Persaingan yang Adil .....	21
Antirasuah dan Antisogokan .....	23
Perdagangan Antarabangsa .....	25



# Kualiti dan Keselamatan Produk dan Perkhidmatan Kita

Kita mengekalkan kepercayaan pelanggan dengan memastikan produk dan perkhidmatan kita memenuhi atau melangkau standard dalaman kita sendiri, serta standard yang ditetapkan oleh industri.

## Kita komited untuk:

- Memenuhi standard kualiti dan keselamatan yang tinggi di setiap peringkat proses, dengan:
  - Mengubah suai atau menghapuskan apa-apa ciri yang berkemungkinan dapat menyebabkan kemalangan semasa di peringkat perancangan dan reka bentuk produk.
  - Menyuarkan kebimbangan kepada pihak yang berkenaan tentang sebarang produk yang tidak memenuhi spesifikasi atau standard semasa di peringkat pembuatan dan pemeriksaan, dan menghalang produk tersebut daripada dipasarkan.
  - Memasukkan pemakluman atau amaran yang sesuai dalam manual pengguna untuk memastikan produk digunakan dan diselenggara dengan selamat.
  - Menyimpan produk dengan betul, menurut polisi dan prosedur kita.
  - Melaporkan dengan segera aduan tentang produk menurut prosedur yang ditentukan.

- Mendapatkan semua kelulusan pengawalseliaan sebelum pemasaran atau penjualan produk kita. Di samping itu, kita juga memenuhi semua kewajipan pengawalseliaan yang berkuat kuasa berkaitan dengan pemasaran atau penjualan produk kita.
- Bersikap jujur dan telus dalam apa yang kita beritahu pelanggan tentang produk dan perkhidmatan kita - kita memahami bahawa dakwaan yang keterlaluan atau jaminan yang tidak berasas boleh mengakibatkan liabiliti undang-undang dan membahayakan keselamatan pelanggan.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Salah satu kontrak kita memerlukan ujian dilakukan sekali lagi di peringkat proses seterusnya. Ujian pertama kelihatan seperti membuang masa dan wang dan melengahkan penghantaran. Bolehkah ujian tambahan dilangkau dan diabaikan?**

Tidak. Oleh sebab kontrak tersebut memerlukan kedua-dua ujian dilakukan, tidak ada perubahan dalam pengujian atau kawalan kualiti yang boleh dilakukan tanpa terlebih dahulu memberitahu dan mendapatkan kelulusan daripada peringkat pengurusan yang sesuai, serta persetujuan pelanggan. Menghasilkan produk yang tidak memenuhi spesifikasi kontrak atau syarat pengujian dengan sengaja dan tanpa persetujuan pelanggan, boleh dianggap sebagai penipuan dan pelanggaran undang-undang.

## Persaingan yang Adil

Kita bersaing dengan bersungguh-sungguh, tetapi secara adil, dan produk kita yang berkualiti tinggi yang menjadi pemacu kejayaan kita (bukannya amalan tidak beretika atau menyalahi undang-undang).



### Kita komited untuk:

- Menggalakkan persaingan bebas, adil, dan terbuka dengan mematuhi undang-undang persaingan, antipakat, dan antimonopoli di mana sahaja kita menjalankan perniagaan.
- Berurusan dengan niat baik dan menunaikan janji kita kepada pelanggan:
  - Kita tidak meraih jualan melalui amalan pemasaran yang tidak adil.
  - Kita memastikan bahawa iklan dan bahan promosi adalah lengkap dan berasaskan fakta.
  - Kita tidak sesekali membuat dakwaan palsu atau yang mengelirukan tentang produk kita.
  - Kita tidak menetapkan harga jualan semula tertentu atau bezaan harga jualan semula kepada pelanggan.
- Mengatasi prestasi pesaing kita secara adil dan sah:
  - Kita tidak terlibat dalam perbualan dengan pesaing tentang topik sensitif dan kompetitif (seperti harga, kos, jumlah pengeluaran, atau syarat jualan).
  - Kita tidak memasuki apa-apa perjanjian atau persefahaman – secara rasmi atau tidak rasmi – yang akan membataskan (atau bahkan dilihat sebagai mengehadkan) persaingan.
  - Kita tidak merosakkan nama baik dan reputasi pesaing dengan memfitnah atau memburuk-burukkan pesaing itu atau produk dan perkhidmatannya.

- Mengumpulkan maklumat pasaran atau persaingan dengan cara yang betul, melalui sumber awam (seperti berita, jurnal perdagangan, dan maklum balas pelanggan). Kita berhati-hati untuk tidak menyalahgunakan maklumat sulit atau memberi gambaran yang salah tentang siapa kita atau dengan siapa kita bekerja.  
(Untuk maklumat lebih lanjut, lihat bahagian Melindungi Maklumat Perniagaan Orang Lain dalam Kod.)



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Semasa mesyuarat persatuan dagangan, dua pesaing kita mula membincangkan margin untung mereka yang rendah dan mengadu tentang potongan harga yang sangat tinggi. Ketika itu, anda hanya berdiam diri. Beberapa minggu kemudian kedua-dua syarikat menaikkan harga mereka. Anda terfikir jika anda sepatutnya mengambil tindakan khusus sewaktu perbincangan tersebut berlangsung dalam mesyuarat itu.**

Ya, itu yang sepatutnya anda lakukan. Pihak berkuasa mungkin merumuskan bahawa semua orang dalam mesyuarat itu – sama ada mereka mengambil bahagian dalam perbincangan atau tidak – bersetuju dengan penetapan harga itu, walaupun tiada persetujuan rasmi. Tindakan yang sepatutnya diambil dalam situasi seperti ini adalah membantah perbincangan itu kerana ia tidak wajar. Seterusnya, anda sepatutnya keluar daripada mesyuarat dan segera melaporkan perkara itu kepada jabatan undang-undang.



## Antirasuah dan Antisogokan

Kita bekerja dengan jujur dan berintegriti. Kita tidak sesekali menawarkan atau menerima rasuah atau membenarkan orang lain menawarkan atau menerima rasuah bagi pihak kita.

### **Kita komited untuk:**

- Mendapat kontrak berdasarkan kelebihan produk dan perkhidmatan kita.
- Mengelakkan polisi toleransi sifar berkaitan dengan rasuah atau sogokan.
- Mengelak pembayaran yang dianggap tidak wajar, tanpa mengambil kira amalan tempatan atau amalan syarikat-syarikat lain.
- Menyimpan akaun dan rekod yang tepat agar jenis apa-apa pemberian atau penerimaan adalah jelas dan dibenarkan mengikut polisi kita.
- Membuat penelitian terperinci dalam pemilihan rakan perniagaan HOYA, memantau prestasi mereka dan bersuara jika terdapat sebarang amalan perniagaan yang dicurigai.
- Tidak sesekali membuat bayaran pemudahan. Sekiranya bayaran pemudahan diminta, laporkan permintaan tersebut kepada jabatan undang-undang atau pematuhan.



### **APAKAH ITU “RASUAH”?**

Apa-apa yang bernilai yang diberikan kepada seseorang di sektor kerajaan atau swasta untuk memperoleh (atau mengelakkan) kelebihan perniagaan, kewangan, atau komersial. Selain daripada wang tunai, rasuah juga boleh dilakukan dalam bentuk lain. Hadiah, bantuan, rebat peribadi, malah tawaran pinjaman atau pekerjaan, boleh dianggap sebagai rasuah jika ditawarkan sebagai balasan untuk layanan istimewa atau untuk mempengaruhi keputusan.



## APAKAH ITU “BAYARAN PEMUDAHAN”?

Bayaran kecil (kadangkala digelar “sogokan” atau “suapan”) yang dibuat kepada pegawai kerajaan pangkat rendah bagi mendorong pegawai tersebut untuk melakukan atau mempercepatkan tindakan rutin (seperti memproses kertas kerja atau mendapatkan perkhidmatan telefon atau bekalan kuasa). HOYA melarang bayaran pemudahan.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

Saya perhatikan bahawa pemberian hadiah kadangkala adalah dijangka dan merupakan “ihsan adat” yang menjadi kelaziman di satu negara tetapi mungkin dilihat sebagai pembayaran yang tidak wajar atau bahkan dianggap sebagai rasuah di negara lain. Apabila bertemu pelanggan ketika lawatan kerja, apa yang harus saya awasi?

Anda tidak boleh memberi sebarang pembayaran atau manfaat dalam apa-apa bentuk pun untuk mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Malah pertukaran hadiah yang merupakan “adat ihsan” di negara asal anda boleh dianggap sebagai rasuah di negara lain jika nilai hadiah itu melebihi jumlah nominal. Anda hendaklah sentiasa mematuhi polisi HOYA dan undang-undang tempatan yang terpakai. Sekiranya anda tidak pasti sama ada hadiah itu wajar, anda harus merujuk jabatan undang-undang atau pematuhan.



## Perdagangan Antarabangsa

Kita komited terhadap amalan perniagaan yang bertanggungjawab dalam menjalankan perniagaan merentas sempadan dan berusaha untuk mencegah pembiayaan keganasan dan sebarang ancaman terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa.



### Kita komited untuk:

- Mengetahui dan mematuhi syarat import, eksport, dan perdagangan – serta polisi dan prosedur kita – sebagaimana ia diguna pakai di negara-negara di tempat kita menjalankan perniagaan.
- Menyimpan rekod import, eksport, dan kastam yang diperlukan di setiap lokasi perniagaan HOYA.
- Melakukan penelitian terperinci untuk memastikan bahawa kita tahu siapa pengguna akhir dan tujuan penggunaan akhir produk kita.
- Menolak untuk menjalankan perniagaan dengan negara-negara yang termasuk dalam senarai larangan negara dan global disebabkan masalah keselamatan, kecuali jika kita telah menerima lesen yang sewajarnya untuk menjual kepada negara-negara tersebut.
- Membantu mencegah dan mengesan pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas dengan memerhatikan apa-apa pembayaran yang mencurigakan, yang boleh termasuk:
  - Pembayaran tunai.
  - Pembayaran dibuat daripada akaun peribadi dan bukannya akaun perniagaan.
  - Transaksi dengan institusi kewangan atau pihak ketiga tanpa hubungan logik dengan pelanggan atau rakan perniagaan.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

Pembekal meminta kita menghantar pembayaran ke alamat baharu. Anda mengesyaki mungkin terdapat sesuatu yang tidak sah atau tidak wajar. Haruskah anda berkongsi kebimbangan anda?

Ya. Anda adalah betul apabila berasa curiga. Ini mungkin merupakan satu usaha pengubahan wang haram atau usaha untuk mengelak daripada keperluan undang-undang. Anda harus menghubungi jabatan kewangan tanpa berlengah dan, sementara itu, jangan membuat pindaan alamat sehingga anda diberitahu untuk berbuat demikian. Sekiranya mungkin, jangan meneruskan apa-apa perbincangan lanjut dengan pembekal tentang permintaan tersebut sehingga diberitahu oleh jabatan kewangan untuk berbuat demikian.

**Saya membeli produk palsu sebagai cenderahati semasa dalam lawatan kerja. Oleh kerana saya membelynnya di luar negara, bolehkah saya membawa pulang ke negara asal saya?**

Tidak. Anda harus ketahui bahawa sesetengah negara melarang membawa masuk produk palsu, dan kedua-dua individu dan juga majikan boleh dikenakan hukuman undang-undang yang berkaitan.

**Anda mendapat pesanan besar daripada sebuah syarikat. Anda tidak pernah mendengar atau berurus niaga dengan syarikat itu sebelum ini. Mereka nampak seperti tidak mempunyai pengalaman dalam industri kita dan alamat pengebilan mereka adalah milik kediaman. Haruskah anda bertanya lebih lanjut sebelum memproses pesanan?**

Ya. Anda mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui destinasi akhir semua produk bagi mematuhi undang-undang kawalan eksport dan melindungi isu keselamatan negara. Anda harus bertanya lebih lanjut tentang bidang perniagaan mereka, pengguna akhir, dan penggunaan akhir produk. Sekiranya anda masih tidak selesa, hubungi jabatan undang-undang atau pematuhan.





## Kita adalah Rakan Perniagaan yang Bertanggungjawab

Kita menjalin dan mengekalkan hubungan yang baik dan saling bermanfaat dengan pelanggan dan rakan perniagaan kita.

Kewajipan Industri Penjagaan Kesihatan .....	28
Hubungan Pembekal .....	30
Konflik Kepentingan .....	31
Hadiah dan Hiburan .....	33
Alam Sekitar .....	34



## Kewajipan Industri Penjagaan Kesihatan

Kita memahami bahawa beberapa perniagaan kita beroperasi dalam industri penjagaan kesihatan yang tertakluk kepada pengawalseliaan ketat, dan oleh itu mempunyai tanggungjawab yang lebih berat untuk memenuhi syarat kualiti dan keselamatan produk yang ketat.



### Kita komited untuk:

- Memahami semua kewajipan peraturan dan mematuhi semua peraturan dan undang-undang yang terpakai.
- Berinteraksi dengan profesional penjagaan kesihatan ("healthcare professionals" atau "HCP"), yang merangkumi doktor, jururawat, pengamal jururawat, pembantu doktor, pentadbir rancangan kesihatan, optometris, dan institusi perubatan, dengan mematuhi undang-undang, peraturan, standard industri, dan peraturan persatuan yang terpakai.
- Mengelakkan daripada mempengaruhi HCP dalam keputusan perubatan profesional mereka tentang penggunaan produk HOYA berdasarkan komunikasi yang tidak wajar, bahan pemasaran yang tidak diluluskan atau insentif kewangan yang tidak wajar.
- Mendedahkan pembayaran atau pindahan lain yang bernilai kepada doktor, hospital latihan perubatan, dan individu atau entiti lain setakat yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.
- Memberi geran penyelidikan dan pendidikan, dan pampasan nilai pasaran adil kepada HCP hanya mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai, serta polisi dan prosedur HOYA.
- Meminta bantuan apabila kita mempunyai soalan.



## ADAKAH ANDA TAHU?

HOYA menghormati pelbagai syarat undang-undang dan peraturan penjagaan kesihatan di negara-negara tempat kita beroperasi. Ini merangkumi peraturan tentang:

- Kajian klinikal
- Pembangunan produk
- Pembuatan
- Promosi produk
- Perlindungan Data
- Interaksi pelanggan
- Pengebilan produk dan perkhidmatan kita yang berkaitan

Kita dilarang sama sekali daripada memberi atau menjanjikan apa-apa manfaat yang tidak wajar kepada profesional penjagaan kesihatan dengan tujuan mempengaruhi penggunaan, pembelian, atau saranan produk kita.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Seorang doktor ingin HOYA membayar perjalananannya ke Jepun untuk melawat lokasi HOYA. Semasa di Jepun, beliau juga ingin mengambil kesempatan untuk meluangkan beberapa hari bersiar-siar atas perbelanjaan HOYA. Adakah ini dibenarkan?**

Tidak. HOYA, dalam situasi tertentu dan dengan kelulusan syarikat terlebih dahulu, boleh membuat pembiayaan sederhana dan munasabah untuk kos perjalanan dan penginapan bagi HCP menghadiri program atau perjumpaan kendalian syarikat berkenaan teknologi perubatan. Tetapi kos untuk melancong atau bersiar-siar boleh dianggap sebagai satu cubaan yang tidak wajar untuk mempengaruhi doktor tersebut membuat sesuatu keputusan yang sepatutnya bebas, dan oleh itu, tidak dibenarkan. Rujuk kepada jabatan undang-undang atau pematuhan untuk mendapatkan nasihat lebih lanjut dalam keadaan ini.

## Hubungan Pembekal

Kita memilih pembekal berdasarkan kriteria objektif dan boleh diukur dan seterusnya, bekerjasama untuk memastikan mereka memenuhi kewajipan mereka untuk menyokong perniagaan dan misi Kumpulan HOYA.

### Kita komited untuk:

- Bekerja dengan rakan perniagaan yang mempunyai komitmen yang sama untuk menjalankan perniagaan secara berintegriti, memahami tanggungjawab sosial korporat mereka, dan melindungi hak asasi manusia dan pekerja.
- Membuat pilihan yang baik, menilai kriteria seperti kualiti, pengalaman, rekod penghantaran, dan harga untuk menentukan rakan perniagaan yang betul untuk Kumpulan.
- Melayan rakan perniagaan kita dengan adil dan tidak sesekali mengambil kesempatan melalui manipulasi, penyembunyian, penyalahgunaan kedudukan kita, paksaan, salah nyata fakta, atau sebarang urusan atau amalan lain yang tidak adil.
- Memantau prestasi pembekal kita untuk memastikan perakaunan masa dan bahan yang benar serta penghantaran yang memenuhi standard kita dan Kod Pembekal HOYA.
- Memainkan peranan kita untuk memastikan bahawa seluruh rantai bekalan kita, termasuk subkontraktor, beroperasi dengan standard etika yang tinggi.



### INGIN KETAHUI LEBIH LANJUT?

[Kod Pembekal HOYA](#)



### APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Seorang perunding yang bekerja untuk HOYA telah menghantar invois yang menyenaraikan beberapa pembayaran tunai yang tidak jelas dan meminta bayaran balik untuk pembayaran ini. Haruskah anda mempersoalkan invois ini?**


Ya. Semasa menyemak pembayaran tunai atau apa-apa item dalam invois, anda harus selalu meminta maklumat dan resit yang menyokong pembayaran itu. Kita mengharapkan perunding, pengedar, dan pihak ketiga yang lain bersikap telus dan jujur dalam perakaunan mereka. Minta butiran lanjut, dan jika anda bimbang tentang sesuatu yang tidak wajar atau tidak sah, suarakan kebimbangan anda dengan segera.

# Konflik Kepentingan

Kita mengelak situasi yang mungkin mencetuskan percanggahan antara kepentingan atau aktiviti peribadi kita dengan keupayaan kita membuat keputusan objektif bagi pihak HOYA.

## Kita komited untuk:

- Bersikap proaktif – mengetahui dan menghindari jenis-jenis situasi yang boleh menimbulkan konflik.
- Mendedahkan sebarang kemungkinan konflik kepentingan kepada penyelia atau pengurus (bergantung kepada situasi, kebanyakan konflik dapat diselesaikan jika ia didedahkan secara proaktif dan diuruskan dengan betul).



### ADAKAH ANDA TAHU?

Tidak mungkin untuk dapat mengenal pasti setiap jenis situasi yang boleh menimbulkan konflik kepentingan, tetapi terdapat situasi tertentu yang boleh menyebabkannya. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, rujuk penyelia atau pengurus anda.

- **Pekerjaan kedua.** Menerima pekerjaan sambilan, memasuki kontrak perkhidmatan, atau melibatkan diri dalam transaksi perniagaan dengan pesaing, pembekal, penyedia perkhidmatan, atau pelanggan HOYA.
- **Kepentingan kewangan.** Mempunyai kepentingan pemilikan dalam syarikat pesaing, pembekal, penyedia perkhidmatan, atau pelanggan HOYA.
- **Kepentingan peribadi.** Mempunyai kuasa membuat keputusan dalam transaksi perniagaan HOYA atau keputusan perniagaan apabila anda atau ahli keluarga mungkin mempunyai kepentingan peribadi atau kewangan.
- **Hubungan peribadi.** Mempunyai ahli keluarga yang diambil bekerja oleh HOYA atau pesaing, pembekal, penyedia perkhidmatan atau pelanggan HOYA.
- **Hadiah, hiburan, dan ihsan perniagaan.** Memberi atau menerima hadiah atau tawaran yang di luar batasan polisi kita.
- **Peluang luar.** Menjual barang atau perkhidmatan yang bersaing dengan barang dan perkhidmatan Kumpulan HOYA.
- **Komunikasi.** Memberi ucapan atau menulis artikel tentang subjek yang berkaitan dengan Kumpulan HOYA atau pekerjaan anda di HOYA, tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu.

Tidak pasti sama ada sesuatu situasi itu menimbulkan konflik? Dapatkan penjelasan sebelum meneruskan.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

Anda ingin menerima kerja sambilan pada hujung minggu. Ia tiada kaitan dengan pekerjaan anda di HOYA, dan hanya akan dilakukan selama beberapa bulan.

Adakah ini merupakan satu konflik?

Ia bergantung pada faktor seperti jenis pekerjaan yang anda sedang pertimbangkan dan waktu yang anda diperlukan bekerja. Anda perlu berunding dengan penyelia atau pengurus anda sebelum menerimanya untuk memastikan tidak ada konflik yang wujud.

**Anda adalah sebahagian daripada pasukan yang membuat keputusan pemilihan pembekal baharu, dan abang ipar anda bekerja di salah sebuah syarikat yang sedang dipertimbangkan oleh HOYA. Syarikat beliau mempunyai rekod yang amat bagus dari segi penghantaran tepat pada waktu. Malah, syarikat itu juga menawarkan harga terbaik berbanding syarikat lain. Bolehkah anda mengesyorkan syarikat abang ipar anda kerana itu yang terbaik buat HOYA?**

Ya, tetapi anda perlu bersikap telus tentang hubungan anda. Dan walaupun anda fikir yang anda telah mempertimbangkan semua pilihan dan boleh membuat keputusan objektif, adalah lebih baik anda elakkan konflik kepentingan dengan menarik diri daripada pasukan pembuat keputusan agar tidak dilihat sebagai melakukan sesuatu yang tidak adil atau tidak wajar.

**Anak lelaki rakan sekerja baru sahaja menyertai pasukan anda. Adakah ini dibenarkan?**

Saudara-mara boleh bekerja di syarikat yang sama. Cuma saudara-mara tidak boleh berada dalam jawatan untuk mengambil bekerja, menyelia, mempengaruhi termasuk syarat pekerjaan, gaji atau peluang kenaikan pangkat, atau mempengaruhi pengurusan saudara-mara yang lain.



## Hadiah dan Hiburan

Kita hanya memberi dan menerima hadiah dan hiburan yang nilainya tidak seberapa. Hadiah dan hiburan ini hanyalah pelengkap hubungan perniagaan yang munasabah dan tidak bertujuan untuk mempengaruhi orang lain secara tidak wajar.

### Kita komited untuk:

- Tidak sesekali memberi atau menerima hadiah atau hiburan jika berniat untuk mempengaruhi keputusan atau sebagai balasan untuk perniagaan, perkhidmatan, atau maklumat sulit.
- Tidak sesekali meminta hadiah atau hiburan.
- Hanya memberi atau menerima hadiah dan hiburan yang:
  - Kos yang munasabah.
  - Tidak kelihatan berlebihan atau mewah.
  - Selaras dengan polisi organisasi pemberi dan penerima, serta semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.
  - Diluluskan oleh penyelia atau pengurus.
- Mematuhi semua polisi yang terpakai apabila membayar honorarium kepada pegawai awam – ini termasuk polisi-polisi HOYA dan polisi-polisi organisasi pegawai awam.
- Mencatat perbelanjaan untuk hadiah dan hiburan dengan tepat.



### ADAKAH ANDA TAHU?

Anda harus lebih berwaspada apabila berurusan dengan pegawai kerajaan (termasuk pegawai separa awam, seperti pekerja di hospital dan universiti kerajaan atau awam lain). Apa yang mungkin dibenarkan untuk pelanggan komersial boleh dianggap salah di sisi undang-undang apabila berurusan dengan pegawai kerajaan.

Jangan memberi kepada – atau menerima daripada – pegawai kerajaan, sesuatu yang bernilai melainkan anda telah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada jabatan undang-undang dan pematuhan.



### APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Bagaimana jika anda menerima hadiah yang anda tahu tidak wajar – apa yang harus anda lakukan?**

Kembalikan kepada pemberi dengan penjelasan yang sopan bahawa polisi milarang anda menyimpannya. Dalam beberapa keadaan, jika hadiah itu tidak sesuai atau tidak mungkin dapat dikembalikan, alternatif lain boleh dipertimbangkan, seperti mempamerkan hadiah itu di tempat awam atau menyumbangkannya kepada organisasi amal. Dalam situasi seperti ini, berbincanglah dengan penyelia, pengurus, atau jabatan undang-undang atau pematuhan anda tentang tindakan yang betul.

## Alam Sekitar

Kita komited untuk memelihara alam sekitar, menggalakkan kelestarian, memulihara sumber daya, serta mematuhi amalan alam sekitar yang baik dalam operasi kita.

### **Kita komited untuk:**

- Mematuhi semua undang-undang, statut dan peraturan yang berkaitan dengan alam sekitar, dan melaporkan setiap pelanggaran yang disyaki kepada penyelia atau pengurus kita dengan segera.
- Melupuskan sisa buangan dengan cara yang betul. Kita tidak akan membuang sisa buangan secara haram.
- Berusaha demi kelestarian alam sekitar dalam semua operasi kita melalui:
  - Peningkatan berterusan dalam prestasi alam sekitar, pengurangan sisa buangan, dan pencegahan pencemaran.
  - Penggabungan amalan alam sekitar yang baik dengan amalan perniagaan kita termasuk perolehan dan reka bentuk, pengujian, pembuatan, dan sokongan produk.
  - Pertimbangan terhadap kesan kepada alam sekitar ketika membangunkan produk atau proses baharu dan dalam pemilihan bahan pengeluaran.



### **APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?**

**Anda mempunyai beberapa idea untuk mengurangkan penggunaan kertas di kemudahan anda. Dengan siapa anda harus bercakap?**

HOYA mengalu-alukan sebarang idea untuk mengurangkan kesan alam sekitar kita. Bincangkan idea anda dengan penyelia atau pengurus anda untuk menentukan jika idea tersebut dapat dilaksanakan di lokasi anda.



## Kita Melindungi Kumpulan Hoya

Kita melindungi aset, maklumat, dan reputasi kita – ia merupakan sumber yang mendorong kerja yang kita lakukan dan mereka yang menggunakan perkhidmatan kita, setiap hari.

Penyimpanan Rekod yang Tepat .....	36
Maklumat Kumpulan HOYA .....	38
Aset Kumpulan HOYA .....	40
Dagangan Orang Dalam .....	42
Komunikasi Berhemah .....	44



## Penyimpanan Rekod yang Tepat

Kita memelihara kepercayaan semua pihak berkepentingan Kumpulan HOYA (termasuk pengawal selia, pelabur, dan pelanggan) dengan menyimpan buku dan rekod yang secara tepat menggambarkan kedudukan kewangan Kumpulan.

### Kita komited untuk:

- Mengetahui dan mematuhi proses dalaman, kawalan, dan polisi perakaunan kita.
- Memastikan bahawa maklumat yang kita rekod adalah jujur, lengkap, dan tepat pada masanya.
- Mengurus, menyimpan, dan melupuskan maklumat seperti yang diterangkan dalam polisi kita.
- Tidak sesekali melaporkan maklumat dengan salah atau menyalahgambarkan maklumat.
- Tidak sesekali menulis semula, menghapus, atau memusnahkan maklumat Kumpulan HOYA (termasuk maklumat digital) yang mungkin diperlukan untuk penyelidikan, audit, atau prosiding undang-undang.
- Merujuk penyelia atau pengurus sebelum mengeluarkan maklumat yang tidak didedahkan sebagai maklum balas kepada pertanyaan daripada media atau sumber di luar HOYA.


- Sentiasa berwaspada terhadap penyelewengan atau ketidaktepatan dan melaporkan apa-apa tindakan penipuan atau salah laku kewangan.
- Melaporkan dengan segera kepada jabatan undang-undang atau pematuhan, Talian Bantuan HOYA, atau saluran pelaporan lain, jika terdapat sebarang tekanan daripada pihak pengurusan untuk melaporkan hasil kewangan dengan tidak wajar.



### ADAKAH ANDA TAHU?

Setiap daripada kita, tidak kira apa pekerjaan yang kita lakukan di HOYA, mempunyai tanggungjawab untuk menyimpan rekod dengan tepat. "Rekod" boleh termasuk:

- Laporan perbelanjaan
- Lembaran masa
- Laporan pengeluaran
- Pesanan pembelian
- Invois
- Laporan kawal selia atau kerajaan



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Kadangkala anda membawa pulang kerja dan menggunakan komputer peribadi anda. Bolehkah anda menyimpan beberapa rekod dan dokumen dalam komputer peribadi anda sebagai sandaran?**

Tidak. Anda dilarang menyimpan rekod atau apa-apa dokumen HOYA dalam komputer peribadi anda, walaupun sebagai sandaran. Sekiranya anda memuat turun sebarang dokumen HOYA ke dalam komputer peribadi anda, pastikan untuk memadamkannya, walaupun dokumen tersebut masih dalam bentuk draf atau dokumen yang masih dalam proses.

# Maklumat Kumpulan HOYA

Kita melindungi maklumat Kumpulan HOYA, termasuk rekod perniagaan dan kewangan serta maklumat teknikal, dan melindunginya daripada hilang, disalah guna, atau diakses atau didedah secara tidak wajar.

## **Kita komited untuk:**

- Memelihara kerahsiaan semua maklumat proprietari Kumpulan HOYA, seperti maklumat teknikal, maklumat produk baharu, data kewangan yang tidak diterbitkan, dan rancangan perniagaan serta pemasaran, ramalan, strategi, dan polisi.
- Hanya berkongsi maklumat sulit Kumpulan HOYA dengan mereka yang diberi kuasa dan mempunyai keperluan sah untuk perlu tahu dari segi perniagaan.
- Menghadkan respons terhadap tinjauan pemasaran luaran melainkan jika kita mendapat kelulusan yang sewajarnya.
- Memastikan kita mempunyai kelulusan yang diperlukan sebelum mendedahkan sebarang maklumat sulit kepada sesiapa sahaja di luar HOYA.
- Mempraktikkan keselamatan siber yang baik – kita:
  - Mematuhi peraturan, polisi, dan prosedur jabatan IT untuk menghalang data syarikat daripada diakses tanpa izin.

- Hanya menggunakan perkakasan, perisian, aplikasi, dan peranti storan yang diluluskan oleh HOYA.
- Sentiasa peka terhadap cubaan memancing data, perisian hasad ("malware"), perisian tebusan ("ransomware"), dan bentuk serangan lain yang dapat membahayakan sistem kita.
- Berwaspada apabila menggunakan media sosial – kita:
  - Menegaskan bahawa sebarang pandangan yang kita siarkan sebagai pekerja tidak mewakili pandangan HOYA.
  - Tidak sesekali mendedahkan maklumat sulit tentang Kumpulan, pelanggan, rakan sekerja, atau rakan perniagaan kita.
  - Tidak sesekali menyiaran apa-apa yang boleh dianggap sebagai diskriminasi, gangguan, atau buli.
- Mengelak daripada berbincang tentang maklumat sulit dengan keluarga atau rakan, dan di tempat-tempat yang boleh dicuri dengar oleh mereka yang tidak sepatutnya (contohnya, di lif, di restoran, atau dalam kenderaan awam).
- Segera melaporkan sebarang kecurian, kehilangan, atau pendedahan maklumat sulit yang tidak dibenarkan.
- Mengembalikan semua dokumen dan media yang mengandungi maklumat Kumpulan apabila meninggalkan Kumpulan.



## APAKAH ITU “MAKLUMAT TEKNIKAL”?

Maklumat dan pengetahuan proprietari HOYA dan belum dilindungi oleh paten. Ia termasuk:

- Reka ciptaan R&D
- Teknik pembuatan
- Penambahbaikan teknologi

Kita tidak mendedahkan maklumat ini kepada umum (contohnya, di persidangan akademik atau dalam dokumen teknikal) melainkan terdapat alasan yang sah untuk berbuat demikian dan kita telah mendapatkan kelulusan penyelia atau pengurus terlebih dahulu.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

Seorang rakan yang baru memulakan perniagaan baharu telah meminta anda senarai pelanggan HOYA yang mungkin berminat dengan perkhidmatan beliau. Bolehkah anda memberikan maklumat ini kepada rakan anda?

Tidak. Daftar pelanggan kita adalah sulit dan tidak boleh dikongsi dengan sesiapa sahaja (di dalam atau di luar HOYA) yang tidak menjalankan perniagaan HOYA.



## Aset Kumpulan HOYA

Kita memahami bahawa aset Kumpulan HOYA adalah untuk tujuan perniagaan yang berkaitan dengan Kumpulan, dan kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa kita melindungi aset ini daripada hilang, rosak, dicuri atau digunakan secara tidak wajar.

### Kita komited untuk:

- Memastikan bahawa semua aset Kumpulan hanya digunakan untuk perniagaan yang berkaitan dengan Kumpulan dan bahawa sebarang penggunaan lain mendapat kelulusan penyelia atau pengurus terlebih dahulu.
- Tidak sesekali menyalahgunakan dana Kumpulan.
- Mencatat dan menyimpan rekod yang tepat berkaitan dengan peralatan dan inventori.
- Tidak sesekali membawa keluar bahan mentah, inventori, alat promosi jualan, atau bekalan, atau melupuskannya tanpa kebenaran.
- Melaporkan apa-apa peralatan yang rosak, tidak selamat, atau yang perlu dibaik pulih.
- Mengembalikan semua hak milik Kumpulan yang telah disediakan kepada kita apabila meninggalkan Kumpulan.





## APAKAH ITU “ASET HOYA”?

Ia boleh merangkumi:

- Aset fizikal, seperti: kemudahan, kenderaan, perabot, peralatan pembuatan, dan bahan bekalan.
- Aset kewangan, seperti: Dana kumpulan termasuk cek, kad kredit, invois, dan rekod lain yang mempunyai nilai wang.
- Aset elektronik, seperti: komputer, alat komunikasi, telefon, sistem maklumat, akses internet/intranet, pembantu digital peribadi, dan peranti, sistem, serta teknologi lain yang serupa.

Maklumat juga merupakan aset Kumpulan yang berharga. Lihat bahagian [Maklumat Kumpulan HOYA](#) untuk maklumat lanjut.



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Anda baru sahaja menerima komputer baharu sebagai sebahagian daripada proses penyegaran teknologi syarikat. Bolehkah anda memberikan komputer lama kepada anak perempuan anda?**

Tidak. Walaupun komputer lama tidak lagi digunakan, ia harus dikembalikan kepada syarikat untuk dilupuskan sewajarnya.

## Dagangan Orang Dalam

Kita menghormati undang-undang dagangan orang dalam di mana sahaja kita menjalankan perniagaan.

### **Kita komited untuk:**

- Mengenal pasti jenis-jenis maklumat yang dianggap "maklumat dalaman" dan tidak sama sekali menggunakan maklumat tersebut sebagai asas untuk membuat keputusan tentang pembelian atau penjualan saham, bon, opsyen, atau sekuriti lain Kumpulan HOYA atau syarikat awam lain kecuali dan sehingga maklumat tersebut didedahkan kepada umum.
- Tidak sesekali menyampaikan "maklumat dalaman" kepada orang lain, seperti rakan dan keluarga, untuk membolehkan mereka memanfaatkan maklumat tersebut.
- Setelah keluar daripada HOYA, mengelak daripada berdagang berdasarkan maklumat dalaman yang bukan umum sehingga maklumat tersebut didedahkan kepada umum.





## APAKAH ITU "MAKLUMAT DALAMAN"?

Maklumat yang mungkin berguna kepada pelabur yang munasabah dalam menentukan sama ada untuk membeli saham Kumpulan atau sekuriti lain. Contoh termasuk:

- Hasil kewangan Kumpulan
- Unjuran hasil kewangan masa depan
- Berita tentang perikatan, penggabungan, atau pembelian aset yang belum selesai atau yang dicadangkan
- Kontrak baharu yang besar atau pembatalan kontrak
- Maklumat tentang litigasi yang melibatkan Kumpulan
- Perubahan dalam polisi dividen
- Perubahan dalam pengurusan kanan



## APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?

**Pembekal memberitahu saya tentang produk baharu secara sulit. Kita tidak dapat menggunakan produk tersebut, tetapi saya rasa ia mempunyai potensi yang baik dan saham syarikat pembekal akan terus meningkat dengan cepat. Bolehkah saya membeli stok syarikat tersebut?**

Tidak. Anda tidak boleh membeli stok pembekal sehingga maklumat yang anda miliki tersedia untuk umum. Maklumat ini ialah "maklumat dalaman" yang diberikan kepada anda secara rahsia. Berdagang berdasarkan maklumat ini (atau memberi tip kepada orang lain supaya mereka dapat melakukan transaksi dagangan) akan melanggar polisi dan undang-undang kita.



## Komunikasi Berhemah

Kita menetapkan satu titik hubungan pusat yang boleh berkomunikasi dengan jelas dan konsisten ketika memberikan maklumat kepada umum dan media.

### **Kita komited untuk:**

- Tidak sesekali memberi gambaran bahawa kita, sebagai pekerja individu, bercakap bagi pihak HOYA dalam apa-apa komunikasi yang mungkin menjadi umum, melainkan kita telah dilantik oleh Kumpulan HOYA untuk berbuat demikian.
- Merujuk semua kenalan atau pertanyaan luar kepada sumber HOYA yang sesuai.
  - Sekiranya kita dihubungi oleh media atau penganalisis kewangan, segera maklumkan penyelia, pengurus, atau Kumpulan IR anda.
  - Sekiranya kita dihubungi oleh pegawai penguatkuasa atau pengawalseliaan atau menerima apa-apa jenis notis penguatkuasaan undang-undang, segera maklumkan jabatan undang-undang atau pematuhan.
- Mendapatkan kelulusan daripada penyelia atau pengurus sebelum menerima jemputan untuk memberi ceramah atau menulis artikel tentang subjek yang berkaitan dengan syarikat atau pekerjaan kita di Kumpulan HOYA.



### **APA YANG ANDA HARUS LAKUKAN?**

**Anda menerima e-mel yang meminta anda untuk mengambil bahagian dalam tinjauan penyelidikan pasaran dan menjawab beberapa soalan asas tentang Kumpulan. Mereka menawarkan untuk membayar anda untuk masa anda atau menderma kepada badan amal pilihan anda. Bolehkah anda mengambil bahagian dalam tinjauan tanpa menyemak dengan penyelia atau pengurus anda?**

Tidak. Penting untuk mengesahkan kredibiliti permintaan e-mel (atau panggilan telefon) tidak rasmi seperti ini yang mencari maklumat tentang HOYA atau syarikat HOYA kerana ia mungkin merupakan cubaan tidak wajar untuk mendapatkan maklumat perisikan daya saing atau perisikan pasaran. Kita juga harus berhati-hati untuk memastikan bahawa permintaan e-mel seperti itu bukan insiden "pancingan data" atau percubaan jahat untuk mendedahkan rangkaian komputer kita kepada virus berbahaya. Anda harus menyemak dengan penyelia atau pengurus anda dan juga jabatan IT sebelum membuka sebarang pautan e-mel atau menjawab permintaan maklumat seperti ini.



## Lampiran

### Borang Pengesahan Tatakelakuan Kumpulan HOYA (Untuk Pekerja)

1. Saya telah menerima salinan Tatakelakuan Kumpulan HOYA (atau mempunyai akses kepada salinan tersebut di intranet Kumpulan HOYA atau intranet HOYA unit saya).
2. Saya telah membaca dan memahami Tatakelakuan Kumpulan HOYA.
3. Saya akan mematuhi dan menghormati Tatakelakuan Kumpulan HOYA, mematuhi undang-undang, dan semua polisi Kumpulan.

---

Tandatangan Pekerja

---

Tarikh

---

Nombor Pekerja

---

Organisasi dan Lokasi HOYA

## Sumber Berguna